

## NAMA MURID

Aktiviti :

1. Buka buku teks halaman 82
2. Jelaskan maksud setiap rangkap sajak.
3. Deklamasi sajak dengan sebutan dan intonasi yang betul.

Nafiri alat yang perlu dijaga dan disimpan dengan selamat. Nafiri digunakan semasa raja menaiki takhta. Nafiri akan terus digunakan dalam majlis-majlis keraian raja-raja.

Nafiri ialah alat kebesaran diraja. Nafiri dimainkan dalam majlis rasmi seperti adat istiadat pertabalan dan perkahwinan.

Nafiri dimainkan oleh orang yang mahir. Nafiri ditiup oleh orang yang pandai meniupnya. Peniup nafiri sentiasa dihormati kerana beliau adalah penyambung adat.

Nafiri lambang kedaulatan menjadi saksi peristiwa penting saat berlaku pertabalan ketika hari perkahwinan hadir nafiri pelengkap istiadat.

Nafiri memilih insan yang hebat untuk ditiup dengan cermat peniup nafiri sentiasa dihormati menyambung adat di dalam nobat.

Nafiri tidak pernah tua dijaga dan disimpan dengan selamat naik dan turun raja di takhta nafiri berkhidmat penuh setia selagi kudratnya masih ada.

Maksud Rangkap 1

Maksud Rangkap 2

Maksud Rangkap 3

